



## **PENGLIBATAN SUKAN : KEJOHANAN TEN PIN BOLING ANTARA STAF UiTM (KARISTA) DAN PIALA NAIB CANSOLOR**

Maisurah Shamsuddin

Sukan KARISTA telah berlangsung dengan jayanya pada 24 - 30 Ogos 2022 di Terengganu. Salah satu sukan yang terlibat adalah Tenpin Boling yang telah berlangsung di Coral Crown Kuala Terengganu. Kejohanan ini juga telah digabungkan dengan Piala Naib Canselor. Atlet daripada sukan boling kebanyakan telah berkampung di kampus Cendering. Manakala atlet daripada sukan yang lain berada di Kampus Dungun. UiTMPP telah menghantar 2 pasukan boling dimana setiap pasukan terdiri daripada 4 orang lelaki dan 4 orang wanita. Pergerakan atlet boling seramai 8 orang dan 2 orang pengurus daripada Penang adalah yang terawal iaitu pada 22 Ogos 2022 dengan di iringi oleh Dr Basha dan Amir Heberd Abdullah. Mereka telah memberi kata-kata semangat untuk kami terus berusaha mendapatkan pingat di KARISTA. Pergerakan bas adalah pada jam 9.30 pagi. Kami telah sampai di penginapan kolej pelajar di Kuala Terengganu pada jam 11 malam kerana banyak persinggahan sepanjang perjalanan ke sana. Pada keesokan harinya, kami telah menjalani sesi latihan supaya dapat memahami keadaan 'lane' di situ.



terlihat kelibat kaum lelaki berkeliran dan semua kompleks membeli belah ditutup pada pukul 12.30 tengah hari dan dibuka semula sekitar pukul 2.45 petang. Kami tidak pulang ke penginapan dan hanya berehat di sekitar bangunan menunggu pintu dibuka.



Pada 26hb telah berlangsung pula pertandingan Boling Master. Kesemua 4 orang atlet wanita UiTMPP telah berjaya melayakkan diri dalam pertandingan tersebut kerana berada dalam senarai 16 orang terbaik iaitu berdasarkan jumlah jatuhan pin masing-masing bagi individu, beregu dan berpasukan. Manakala hanya seorang sahaja daripada atlet lelaki UiTMPP yang berjaya. Keputusan pertandingan ini hanya memihak kepada UiTM Shah Alam untuk wanita dan UiTM Negeri Sembilan untuk lelaki. UiTMPP hanya berada di tempat yang ke-6.



KEJOHANAN TENPIN BOLING PIALA NAIB CANSOLOR 2022

ALL EVENTS WANITA

NO.	KOD	NAMA	TEAM	SINGLE	DOUBLE	TEAM	TOTAL	DIFF
1	KB201	SULIANA BINTI MAT SAUD	SELANGOR A	1033	963	704	2700	0
2	KH204	NORBIJAH BINTI KIPLI	SHAH ALAM A	925	1020	659	2604	-96
3	KB204	MARSITA BINTI SEAN	SELANGOR A	929	963	692	2584	-116
4	KH203	KAMARIAH BT MOIN	SHAH ALAM A	960	1002	614	2576	-124
5	G201	NOR SHAFIQAH ALIA BINTI AMRAN	P T A R	972	901	665	2538	-162
6	KP202	MAISURAH BINTI SHAMSUDDIN	PULAU PINANG	922	907	649	2478	-222
7	KR204	ZALINA BINTI ZAINAL ABIDIN	PERLIS	953	892	626	2471	-229
8	KP203	MASRUL FARIHAN BINTI MOHAMAD	PULAU PINANG	969	834	612	2415	-285
9	KA203	NORASIFAR BINTI SHAARI	PERAK	919	900	562	2381	-319
10	KH201	INTAN ZURIATY BINTI MUJIRIMI	SHAH ALAM A	828	854	682	2364	-336
11	KP201	AYU NATASHA BT MAD SAAD	PULAU PINANG	820	940	587	2347	-353
12	KA201	NORULJULIANA BINTI JUNIT	PERAK	843	794	675	2312	-388
13	KP204	MELATI BINTI DESA	PULAU PINANG	873	830	599	2302	-398
14	KR203	HANISAH BINTI HASSAN	PERLIS	923	774	605	2302	-398
15	KR201	NURUL HIDAYAH BINTI AB RAJI	PERLIS	897	874	528	2299	-401
16	H206	NOR AYU ZALINA ZAKARIA	SHAH ALAM B	819	903	532	2254	-446

16 orang yang layak ke Pertandingan Master Boling individu wanita

Keseluruhannya, bagi kejohanan ten pin boling KARISTA, UiTMPP telah memenangi pingat bagi setiap kategori. Harapan penulis untuk kejohanan pada tahun hadapan supaya atlet akan lebih bersedia dari segi emosi dan juga kesihatan fizikal. Ini kerana permainan boling ini banyak dipengaruhi

oleh keadaan 'lane' yang berbeza dan juga emosi setiap pemain. Keadaan 'lane' di Coral Crown sangat menguji cara permainan atlet daripada Penang. Kekuatan fizikal tangan dan kaki amat penting untuk menghabiskan 6 permainan selama 3 hari berturut-turut. Alhamdulillah, KARISTA di Terengganu ini merupakan penglibatan kedua penulis yang juga telah berjaya menyumbangkan pingat dalam acara berpasukan.

